

Amaran tarik sijil halal pastikan pematuhan tinggi



Prof. Madya Dr Syarifah Md Yusof
bhrencana@bh.com.my

Dalam landskap industri halal merentas sempadan, peranan badan pensijilan halal luar negara (CB) semakin signifikan kerana ia diberi mandat oleh kerajaan atau institusi Islam di negara masing-masing untuk mengesahkan status halal sesuatu produk atau perkhidmatan.

Di negara ini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memberikan pengiktirafan kepada CB yang memenuhi kriteria ketat berpandukan Piawaian Halal Malaysia.

Ini untuk memastikan produk import di-label halal mematuhi standard selaras kehendak syariah dan selamat dimakan pengguna Muslim.

Ia menjadikan JAKIM tidak hanya memberikan pengiktirafan, bahkan menjalankan pemantauan dan penilaian semula serta menarik balik pengiktirafan jika berlaku sebarang ketidakpatuhan.

Februari lalu, JAKIM menarik balik pengiktirafan terhadap tiga CB luar negara, iaitu China Islamic Association, Centre for Halal Quality Certification dari Croatia dan Ritual Association of Lyon's Great Mosque (Perancis) atas kegagalan mematuhi garis panduan pensijilan halal Malaysia.

Langkah tegas ini menunjukkan komitmen Malaysia mengekalkan integriti dan ketulenan pensijilan halal yang menjadi penanda aras global.

Ini menjadikan hanya 85 CB daripada 47 negara diiktiraf JAKIM berbanding 88 CB daripada 49 negara pada tahun lalu.

Kesan penarikan balik ini sangat ketara kepada syarikat pengeluar produk halal beroperasi di bawah pensijilan ketiga-tiga CB terbabit.

Produk mereka tidak lagi dibenarkan untuk diimport ke negara ini hingga mendapat pensijilan baharu daripada CB yang masih diiktiraf JAKIM.

Menurut Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 (Seksyen 29) Akta Perihal Dagangan 2011, perkara 5 menyatakan barangan import diperihal halal mesti diperakukan halal oleh badan pensijilan halal luar negara diiktiraf JAKIM.

Larangan import produk luar negara yang sijil halalnya tidak diiktiraf akan memberi kesan kepada pengeluar tempatan kerana perlu menukar pengeluar bahan mentah.

Ia pastinya menjejaskan keyakinan pengguna Muslim terhadap produk halal diimport. Dalam konteks ekonomi, gangguan terhadap aliran masuk produk halal boleh memberi kesan kepada pasaran pengguna tempatan yang bergantung kepada import, terutama dalam sektor makanan, bahan mentah dan produk farmaseutikal.

Bagaimanapun, pemain industri halal sama ada dalam mahupun luar negara perlu mengambil iktibar daripada penarikan semula sijil halal kerana ia bukan sekadar simbol atau keperluan pasaran, tetapi amanah perlu dijunjung secara konsisten.

Ia menuntut pematuhan menyeluruh dari aspek

dokumentasi, pelaksanaan piawaian, keutuhan audit dan ketelusan pengurusan proses pensijilan.

Pemain industri perlu sedar pensijilan halal Malaysia bukan sahaja menjadi rujukan teknikal, malah mewakili maqasid syariah dalam menjaga kesucian makanan dan kepercayaan ummah.

Bagi mengelakkan gangguan terhadap ekosistem halal dan memperkukuh rantaian bekalan halal global, beberapa cadangan boleh diketengahkan.

Pertama, JAKIM perlu mengingatkan CB luar negara melaksanakan audit dalaman dan latihan kepada juruaudit mereka secara berkala.

Kedua, industri pengeluar perlu mempunyai pelan kontingensi dengan menyenaraikan CB alternatif diiktiraf sekiranya berlaku sebarang perubahan status CB sedia ada.

Ketiga, JAKIM boleh menyarankan negara pengeksport utama produk halal ke Malaysia menubuhkan satu mekanisme pemantauan dalaman terhadap operasi CB masing-masing supaya tidak bergantung sepenuhnya kepada pemantauan luar.

Keempat, JAKIM disyorkan untuk mewujudkan satu Halal Compliance Early Warning System (HCEWS) yang memaklumkan risiko penarikan pengiktirafan CB lebih awal kepada industri, agar mereka sempat membuat pelarasan operasi.

Penarikan pengiktirafan ini perlu menjadi titik tolak kepada usaha memperkukuh rantaian bekalan halal global yang bukan sahaja patuh dari segi teknikal, bahkan menjunjung nilai syariah suci dan menyeluruh.

Felo Penyelidik
Institut Pengurusan
Halal (IHM)
Universiti Utara
Malaysia (UUM)